

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 20 MAC 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 15

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1531-L23295

**Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [ Kalabakan ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan bilakah Kerajaan akan melaksanakan dasar gaji progresif bagi mereformasi pasaran buruh dengan matlamat untuk meningkatkan gaji pekerja selari dengan peningkatan produktiviti di samping memberikan keadilan sosial kepada pekerja sektor swasta.

2. PR-1531-L24095

**Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [ Rompin ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan langkah drastik yang boleh diambil bagi menangani masalah jalan raya rosak dan berlubang terutamanya di negeri Pahang secara amnya dan Rompin secara khususnya kerana masalah ini seperti tidak berkesudahan sehingga menyebabkan banyak kenderaan mengalami kerosakan dan menyebabkan kemalangan.

3. PR-1531-L23633

**Tuan Manndzri bin Nasib [ Tenggara ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) bersedia untuk menawarkan bantuan pinjaman latihan kemahiran kepada para pelatih TVET yang ingin menyertai latihan peningkatan kemahiran jangkamasa pendek seterusnya mendapatkan *Profesional Skill Certificate* dari badan professional tempatan atau pun institusi TVET luar negara.

4. PR-1531-L23983

**Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status terkini program perintis pemberian *Pre-Exposure Prophylaxis* (PrEP) kepada individu yang mempunyai pasangan HIV positif terutama yang mengamalkan seks bebas dan seks songsang dalam keadaan belum ada keputusan dari pihak Majlis Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKA) atau Jawatankuasa Fatwa.

5. PR-1531-L23712

**Dato' Verdon bin Bahanda [ Kudat ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan pembangunan rangkaian jalan luar bandar dan jalan perhubungan desa yang diluluskan di Parlimen Kudat pada tahun 2023. Apakah kaedah Kerajaan mempercepatkan pelaksanaan jalan luar bandar yang telah tersenarai dalam RMKe-12.

6. PR-1531-L23003

**Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [ Gua Musang ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan tidak bercadang untuk menyemak dan menawarkan pendaftaran baru Kontraktor CIDB Gred G7 untuk disenaraikan sebagai "Kontraktor Memenuhi Syarat Pra- Kelayakan" bagi menggantikan kontraktor yang telah berstatus Pra-Kelayakan yang diluluskan oleh Kerajaan terdahulu.

7. PR-1531-L23543

**Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [ Batang Lutar ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah terdapat alternatif buat individu yang tidak dapat mendaftar di dalam Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) atas pelbagai sebab dan apakah terdapat jaminan bahawa mereka tidak akan ketinggalan dari mendapatkan kemudahan dan bantuan yang disediakan oleh Kerajaan.

8. PR-1531-L24174

**Dato' Rosol bin Wahid [ Hulu Terengganu ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berapakah jumlah keluasan tanah pertanian yang terbiar di seluruh negara dan apakah perancangan Kementerian untuk memastikan tanah terbiar ini dapat dimanfaatkan, sekali gus dapat memperkasakan keterjaminan makanan dalam negara.

9. PR-1531-L23179

**Datuk Jonathan Yasin [ Ranau ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan perancangan membina jambatan '*bailey bridge*' di Kampung Lungkidau, Ranau yang sangat-sangat diperlukan penduduk.

10. PR-1531-L24206

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [ Besut ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perkembangan pelaksanaan lapan syor yang digariskan oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) berhubung Laporan Terimaan dan Bayaran Obligasi Sosial Perjanjian Konsesi Pengurusan Industri Padi dan Beras Negara dilaksanakan oleh pihak Kementerian.

11. PR-1531-L24171

**Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [ Julau ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah jumlah peluang pekerjaan yang boleh dimanfaatkan oleh warga tempatan mengikut sektor dan industri hasil daripada limpahan kemasukan Pelaburan Langsung Asing (FDI) dalam negara untuk tahun 2024.

12. PR-1531-L23223

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [ Muar ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pelan bagi mengawal selia industri vape dan melarang bahan-bahan terlarang seperti nikotin, tembakau, tampalan dan gula-gula getah yang telah dikecualikan daripada Akta Racun 1952.

13. PR-1531-L23631

**Tuan Riduan bin Rubin [ Tenom ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh manakah Sabah dilibatkan secara langsung di dalam pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) bagi meningkatkan keupayaan sektor perindustrian Sabah menerusi pelaburan bernilai tinggi dalam sektor industri strategik seperti aeroangkasa, elektrik dan elektronik, automotif, kimia dan farmaseutikal.

14. PR-1531-L23152

**Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [ Tanjong Karang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan cadangan *National Health Insurance* agar kualiti perkhidmatan kesihatan negara lebih lestari, efisien, maju dan berdaya saing dengan penglibatan premium langsung daripada rakyat, majikan dan Kerajaan sekaligus meningkatkan lagi kepercayaan rakyat terhadap kemampuan khidmat perlindungan kesihatan oleh Kerajaan Madani.

15. PR-1531-L23664

**Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [ Balik Pulau ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini PLUS dalam peningkatan laluan penggunaan teknologi Identifikasi Frekuensi Radio (RFID) bagi pembayaran tol RFID di seluruh Malaysia.

16. PR-1531-L24153

**Tuan Jamaludin bin Yahya [ Pasir Salak ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan berkenaan penetapan harga benih padi sah yang melambung tinggi dan apakah usaha Kementerian untuk membantu petani yang menghadapi kerugian akibat serangan penyakit seperti bina perang, ulat batang dan virus pada padi mereka.

17. PR-1531-L23742

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail [ Bandar Tun Razak ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan keberkesanan langkah-langkah berterusan melalui Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMP 2021-2025) bagi menyokong RMK-12 dalam usaha mengurangkan kadar kemalangan industri terutamanya sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

18. PR-1531-L24338

**Tuan Zulkifli bin Ismail [ Jasin ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tindakan yang diambil untuk menangani masalah kesihatan mental yang bukan sahaja menular dan meningkat dalam kalangan orang dewasa, tetapi juga menular dan meningkat dalam golongan kanak-kanak dan remaja.

19. PR-1531-L23561

**Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun [ Port Dickson ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan bagaimana Kementerian merancang untuk menggalakkan pelaburan dalam sektor-sektor yang telah dikenal pasti sebagai tumpuan dalam program pembangunan ekonomi, seperti teknologi maklumat, industri kreatif dan pertanian moden.

20. PR-1531-L23999

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status kemajuan projek pembinaan jalan raya dari Kampung Mat Daling (Ulu Tembeling) ke Kampung Pasir Raja, Dungun sejak kerja-kerja pembinaan disambung semula bermula 10 September 2023.

21. PR-1531-L23669

**Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli [ Jempol ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah inisiatif dan usaha-usaha untuk merancakkan aktiviti sektor pembinaan negara dengan memastikan perolehan dilaksanakan secara telus dan berintegriti di mana terdapat rungutan sesetengah pihak yang membangkitkan berkenaan ketirisan makluman semasa.

22. PR-1531-L24305

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menangani isu berkaitan kekurangan kakitangan terutamanya di hospital sehingga menyebabkan pesakit terpaksa menunggu lama untuk membuat temu janji dan apakah standard menunggu seseorang pesakit untuk mendapatkan rawatan.

23. PR-1531-L23501

**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk mengawal selia pertumbuhan *Confinement Centres* yang tumbuh bagi cendawan selepas hujan bagi memastikan perkhidmatan di pusat-pusat penjagaan tersebut bermutu tinggi demi kesihatan ibu-ibu dan bayi-bayi yang baru dilahirkan.

24. PR-1531-L24227

**Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian bagi meningkatkan penanaman kelapa serta pemasaran bagi membantu pekebun-pekebun kelapa menjana pendapatan melalui industri kelapa.

25. PR-1531-L23329

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [ Semporna ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan senarai projek-projek yang telah dirancang dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) bagi Parlimen Semporna di bawah *Rolling Plan* ke-4 dan ke-5 (RP4 dan RP5).

26. PR-1531-L24163

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [ Sik ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah-langkah pihak Kementerian bagi mengatasi masalah harga benih padi sah (BPS) yang mengalami kenaikan harga mendadak dan kesukaran pesawahan mendapatkan BPS pada harga RM45 per 20 kilogram daripada pembekal dilantik Kerajaan.

27. PR-1531-L22882

**Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [ Putatan ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah strategi dan langkah konkret yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk merangsang pembangunan industri *High-Growth, High-Value* (HGHV) di wilayah Sabah, dan bagaimana Kementerian merancang untuk memastikan keberkesanannya secara inklusif dengan mempertimbangkan peningkatan peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia di Sabah.

28. PR-1531-L23550

**Tuan Azli bin Yusof [ Shah Alam ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membina bangunan tambahan di Hospital Shah Alam, Selangor (HSAS) berikutan kadar penggunaan katil yang tinggi di wad-wad sehingga menyebabkan pesakit terpaksa ditempatkan di katil Jabatan Kecemasan selama 2-3 hari sebelum mendapatkan katil di wad sebenar.

29. PR-1531-L23463

**Datuk Hajah Siti Aminah binti Aching [ Beaufort ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah inisiatif kerajaan dalam memastikan sistem Pangkalan Data Utama (PADU) dapat dicapai oleh masyarakat luar bandar terutama golongan buta IT. Apakah jaminan pihak Kementerian bahawa sistem PADU ini tidak akan di manupulasi oleh pihak yang tidak bertangungjawab dalam mengambil data peribadi.

30. PR-1531-L24345

**Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini pembinaan *multi storey block* Hospital Seberang Jaya.

31. PR-1531-L22710

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah bidang-bidang kepakaran perubatan yang akan diadakan di Hospital Awam Pasir Gudang yang dijangka siap pada tahun hadapan 2025 selain menyediakan fungsi-fungsi umum biasa sebagai sebuah Hospital Kerajaan.

32. PR-1531-L22835

**Tuan Kesavan A/L Subramaniam [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan berapa ramai pelajar India B40 yang telah ditawarkan program TVET pada tahun 2023 di bawah kelolaan KKDW berbanding dengan jumlah pengambilan keseluruhan pelajar pada tahun 2023.

33. PR-1531-L23639

**Tuan Mohd Sany bin Hamzan [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah Kementerian mempunyai pelan tindakan terkini bagi mengatasi masalah projek lebuh raya EKVE yang masih tiada perkembangan positif walaupun tarikh siap projek yang dijanjikan oleh pihak konsesi pada bulan Mac 2024 ini.

34. PR-1531-L24110

**Puan Hajah Salamiah binti Mohd Nor [ Temerloh ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan peranan dan bidang kuasa MOTAC yang dapat menyokong usaha mempromosikan Temerloh sebagai destinasi pelancongan domestik.

35. PR-1531-L24186

**Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [ Julau ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk meluaskan sumber bekalan air terawat untuk disalurkan ke kawasan rumah panjang di sekitar Sarawak yang masih tidak dapat akses kepada bekalan air terawat dan bersih, khususnya di kawasan-kawasan yang terletak jauh dengan sumber air.

36. PR-1531-L24077

**Dr. Hajah Halimah Ali [ Kapar ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-

- (a) sejauh mana keberkesanan jalan raya yang diperbuat daripada simen/konkrit daripada kerosakan oleh kenderaan berat; dan
- (b) perancangan untuk menggunakan di sepanjang jalan Kapar dan jalan keluar masuk Northport.

37. PR-1531-L22811

**Puan Yeo Bee Yin [ Puchong ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pencapaian dasar kerjasama swasta-kerajaan dalam memperkasa Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) seperti diumumkan di Belanjawan 2023:-

- (a) berapakah institusi dan kursus TVET yang telah melibatkan pihak swasta. Senaraikan; dan
- (b) berapa jumlah pelajar yang terlibat.

38. PR-1531-L24061

**Tuan Wan Razali bin Wan Nor [ Kuantan ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah Kerajaan bagi menyediakan infrastruktur dan fasiliti asas bagi kemudahan pelancong di kawasan pesisiran pantai di Parlimen Kuantan khususnya di Pantai Anak Air, Pantai Kempadang, Pantai Cempaka, Pantai Sepat dan Pantai Cherok Paloh.

39. PR-1531-L23855

**Datuk Seri M. Saravanan [ Tapah ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa jumlah pekerja asing yang telah diluluskan oleh pihak Kementerian sepanjang tahun 2022 hingga 2023 mengikut sektor yang dibenarkan.

40. PR-1531-L24114

**Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [ Tangga Batu ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-

- (a) apakah langkah-langkah bagi melindungi kepentingan nelayan, meningkatkan hasil pendaratan ikan serta masa depan keluarga nelayan yang terkesan dengan penambakan di kawasan Pantai Puteri, Kelebang sehingga ke kawasan Kota Melaka; dan
- (b) kepentingan pemegang taruh lain yang bergantung kepada hasil tangkapan ikan dan para peniaga yang selama ini mencari rezeki di kawasan ini.

41. PR-1531-L23812

**Datuk Wetrom bin Bahanda [ Kota Marudu ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah terdapat pelan jangka panjang dan jangka pendek dalam meningkatkan pekerja berkemahiran dari luar bandar seperti Kota Marudu memandangkan terdapat penduduk di luar bandar yang tidak mempunyai pekerjaan tetap dan apakah terdapat latihan khusus bagi pekerja dari luar bandar melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran.

42. PR-1531-L23908

**Datuk Ali anak Biju [ Saratok ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini baik pulih atau bina semula klinik-klinik daif di Malaysia. Berapa jumlah klinik daif yang terletak di Parlimen Saratok dan nyatakan usaha secara spesifik pembangunan klinik daif di Saratok.

43. PR-1531-L22800

**Tuan Chow Kon Yeow [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status permohonan semula projek menaik taraf jalan tunggal dua lorong kepada jalan berkembar empat lorong dari Permatang Tinggi hingga Sungai Juru, Bukit Tengah, Pulau Pinang yang sebelum ini telah diangkat semula untuk kelulusan. Perincikan perkembangan terkini dan jika tidak diluluskan, nyatakan sebabnya.

44. PR-1531-L24296

**Tuan Hassan bin Saad [ Baling ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan strategi Kerajaan dalam meningkatkan industri pelancongan negara terutamanya eco tourism di kawasan-kawasan luar bandar khususnya di Baling.

45. PR-1531-L24098

**Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib [ Parit ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jumlah bilangan rumah generasi kedua FELCRA yang sudah dibina sehingga kini.

46. PR-1531-L23181

**Datuk Jonathan Yasin [ Ranau ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bahawa sementara menunggu pembinaan jalan Pan Borneo antara Tamparuli-Ranau yang masih lama, adakah Kementerian merancang untuk menyegerakan pembinaan banyak perluasan dan pelebaran di sepanjang jalan ini bagi mengelakkan kesesakan jalan yang semakin meruncing di jalan ini.

47. PR-1531-L24297

**Tuan Hassan bin Saad [ Baling ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha Kerajaan bagi memastikan kakitangan hospital Kerajaan tidak terbeban dengan kerja serta gaji yang setimpal sehingga ada yang sanggup meletakkan jawatan.

48. PR-1531-L23811

**Puan Rodiyah binti Sapiee [ Batang Sadong ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh Kementerian untuk meningkatkan hasil jualan usahawan desa kategori PIKO untuk beralih kepada kategori NANO dan MIKRO.

49. PR-1531-L24313

**Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha dan inisiatif Kementerian dalam menggalakkan golongan muda menceburkan diri dalam sektor Tenaga Boleh Baharu (TBB) untuk menyambut usaha Kerajaan dalam mempercepat peralihan tenaga negara.

50. PR-1531-L24152

**Tuan Jamaludin bin Yahya [ Pasir Salak ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan status projek pembinaan perparitan di kawasan pertanian Sungai Manik di Parlimen Pasir Salak kerana projek tersebut didapati tertangguh agak lama sekaligus mengakibatkan penghasilan padi terencat.

51. PR-1531-L23459

**Tuan Chong Zhemin [ Kampar ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang kes ventilator yang rosak baru-baru ini yang meragut nyawa pesakit dan bagaimana perkara ini boleh berlaku.

52. PR-1531-L23998

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan purata peningkatan pendapatan pekebun kecil terkini hasil daripada pelaksanaan Program Agromakanan RISDA yang menyasarkan peningkatan pendapatan peserta kepada RM500/bulan menjelang akhir tahun 2025.

53. PR-1531-L24150

**Tuan Haji Kamal bin Ashaari [ Kuala Krau ]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan tindakan Kerajaan dalam mengurangkan kebergantungan kepada getah asli import yang semakin meningkat saban tahun, yang akhirnya memberi kesan kepada kebolehpasaran dan harga getah asli tempatan.

54. PR-1531-L23458

**Tuan Chong Zhemin [ Kampar ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status pembinaan Hospital Kampar dan bilakah pembinaan boleh bermula.

55. PR-1531-L24134

**Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [ Mersing ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah perancangan dan kaedah terkini Kementerian dalam mempergiat program promosi pelancongan desa yang melibatkan lokasi-lokasi pelancongan di Parlimen Mersing dan Negeri Johor.

56. PR-1531-L23762

**Tuan Edwin anak Banta [ Selangau ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah tindakan untuk perlaksanaan projek rakyat dilaksanakan atau siap mengikut jadual khususnya projek infrastruktur penting rakyat seperti loji air terawat, jalan raya dan jambatan di luar bandar.

57. PR-1531-L24089

**Dr. Hajah Halimah Ali [ Kapar ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-

- (a) jadual penyelenggaraan jalan Persekutuan di seluruh Kapar termasuk lampu jalan, parit, longkang dan jambatan; dan

- (b) kos dan senarai kontraktor yang terlibat dalam kerja-kerja penyelenggaraan tersebut.
58. PR-1531-L24136  
**Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [ Tangga Batu ]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan :-
- (a) apakah faktor yang menyebabkan hasil pengeluaran Tandan Buah Segar ( TBS ) rendah dan kekal statik di paras 15 tan sehektar; dan
- (b) apakah pelan tindakan yang akan dilakukan untuk meningkatkan ke paras 18 tan sehektar dan ke atas.
59. PR-1531-L23666  
**Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [ Balik Pulau ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-
- (a) apakah usaha terkini dalam meneliti kualiti jalan raya di Malaysia yang dilihat mempunyai pelbagai masalah seperti berlubang, tidak rata dan tampalan yang tidak sempurna; dan
- (b) sejauh manakah pemantauan dan pemeriksaan keadaan jalan raya di Malaysia dibuat untuk memastikan keselamatan pengguna jalan raya tidak diabaikan.
60. PR-1531-L24335  
**Datuk Dr. Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
- (a) usaha Kerajaan bagi menjamin ejen yang membawa masuk pekerja asing tidak mengambil kesempatan mengenakan caj dan fi yang tinggi terhadap pekerja; dan
- (b) adakah mekanisme standard dalam membawa masuk pekerja asing yang wajib diikuti dan apakah usaha Kerajaan dalam membendung sindiket yang mengaut untung hasil daripada caj tinggi kepada pekerja asing dan majikan.
61. PR-1531-L23648  
**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [ Ledang ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan secara terperinci berkaitan kadar kemalangan dan kerosakan kenderaan di lebuh raya terutamanya melibatkan kenderaan berat.

62. PR-1531-L23418

**Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [ Merbok ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah usaha yang dilaksanakan oleh RISDA untuk meningkatkan kualiti sistem penyampaian informasi kepada pekebun kecil getah bagi memastikan tiada pekebun kecil yang terpinggir atau tidak mendapat informasi terkini berkenaan program dan bantuan yang disediakan khususnya di Parlimen Merbok.

63. PR-1531-L23332

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pegawai perubatan yang menjalankan latihan "*parallel pathway*" dan rancangan Kementerian untuk memperkasa laluan ini untuk mengatasi kekurangan doktor pakar di sektor awam.

64. PR-1531-L24009

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [ Setiu ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah proaktif Kementerian dalam menangani isu peningkatan kos input pertanian selain program Insentif Benih Padi Sah (IBPS).

65. PR-1531-L24058

**Tuan Wan Razali bin Wan Nor [ Kuantan ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan jumlah kerugian disebabkan pencerobohan bot nelayan asing di perairan negara bagi tempoh 2020-2023.

66. PR-1531-L23743

**Datuk Willie anak Mongin [ Puncak Borneo ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status projek-projek yang telah diluluskan di Parlimen Puncak Borneo sejak tahun 2018 dan apakah status pelaksanaan projek-projek tersebut sehingga kini.

67. PR-1531-L24205

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [ Besut ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perkembangan terkini audit terhadap semua pemegang lesen dalam industri beras dan padi bagi membanteras isu kartel dan jangkaan tempoh laporan audit tersebut boleh diakses umum.

68. PR-1531-L23523

**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah sasaran miskin tegar sifar tercapai pada tahun 2023 di setiap negeri dan apakah langkah-langkah yang telah diambil dan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk mencapai sasaran tersebut serta cara untuk memastikannya kekal sifar pada tahun-tahun akan datang.

69. PR-1531-L24302

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah tindakan Kementerian dalam usaha menyeferakan pembinaan Hospital Maran yang telah diluluskan sejak RMKe-11 lagi dan mengapa cadangan pembinaan Hospital Maran ini telah dikeluarkan daripada Belanjawan 2024.

70. PR-1531-L23340

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rancangan Kementerian untuk memperkasakan sektor sumber manusia di KKM dan bagaimana mengatasi kekurangan doktor, jururawat dan pekerja kesihatan di sektor awam negara kita.

71. PR-1531-L24351

**Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

(a) punca kelewatan siap pembinaan Hospital Seberang Jaya dan siapakah pihak yang bertanggungjawab menyebabkan kelewatan itu; dan

(b) apakah tindakan yang dikenakan terhadap pihak tersebut.

72. PR-1531-L23575

**Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun [ Port Dickson ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan bagaimana kaedah dan langkah agensi-agensi pemberi bantuan dapat mengguna pakai data PADU di samping data-data sedia ada seperti fakir miskin dan senarai eKasih.

73. PR-1531-L23972

**Dr. Haji Abd Ghani bin Ahmad [ Jerlun ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perkembangan terkini dan tindakan susulan hasil Task Force Operasi Benih Padi Sah (OP BPS) Zon Utara oleh Bahagian Kawal selia Padi dan Beras (KPB) untuk memastikan bekalan benih padi mencukupi.

74. PR-1531-L23353

**Puan Vivian Wong Shir Yee [ Sandakan ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tempoh masa yang telah ditetapkan dalam melaksanakan inisiatif transformasi kesihatan digital menerusi penggunaan sistem satu individu satu rekod di seluruh negara, terutamanya di Sabah di mana kebanyakan hospital awam masih menyimpan rekod pesakit secara manual.

75. PR-1531-L24035

**Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [ Hulu Selangor ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bagaimana agihan peruntukan kepada seluruh kawasan Parlimen bagi tujuan kerja-kerja pemberbaikan jalan.

76. PR-1531-L23562

**Datuk Seri Haji Jalaluddin bin Haji Alias [ Jelebu ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan berapa jumlah terkini rakyat Malaysia yang berdaftar dengan Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) sehingga terkini, dan apakah kesan jangka masa pendek dan panjang kepada mereka yang belum mendaftar.

77. PR-1531-L23832

**Tuan Haji Mohd Syahir bin Che Sulaiman [ Bachok ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan nilai dan status pelaburan asing ke dalam negara yang telah direalisasikan berbanding nilai pelaburan yang diumumkan dalam siri lawatan luar negara oleh Perdana Menteri sepanjang tahun 2023.

78. PR-1531-L23555

**Tuan Azli bin Yusof [ Shah Alam ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan kemajuan terkini, cabaran yang dihadapi dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menggalakkan pendaftaran Sistem PADU bagi negeri-negeri di seluruh negara.

79. PR-1531-L23342

**Puan Vivian Wong Shir Yee [ Sandakan ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan berapa jumlah individu yang telah berdaftar dengan sistem PADU dan apakah perancangan Kementerian untuk menggunakan maklumat-maklumat dari sistem ini.

80. PR-1531-L24139

**Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [ Mersing ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan strategi baharu dan usaha penambahbaikan untuk membantu para petani dalam melaksanakan kaedah pasaran secara e-dagang atau mekanisme penjualan secara terus kepada pengguna.

81. PR-1531-L23326

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [ Semporna ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan jumlah dan peratusan peserta bagi Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) di 8 daerah termiskin di Malaysia yang terletak di Sabah dan jumlah yang telah diberlanjutkan.

82. PR-1531-L23454

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [ Tanah Merah ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan berapa jumlah wakil penjual Proton kesemuanya di tanah air dan dari jumlah tersebut berapa jumlah wakil penjual bumiputera berbanding bukan bumiputera terutamanya di kawasan Lembah Klang.

83. PR-1531-L23525

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah Program dan langkah-langkah Kerajaan Persekutuan untuk menekankan kemiskinan tegar khususnya di 10 daerah termiskin di Malaysia terutama sekali di 8 daerah iaitu Kota Belud, Kota Marudu, Kudat, Pitas, Telupid, Beluran, Tongod dan Nabawan.

84. PR-1531-L24213

**Tuan Afnan Hamimi bin Dato' Haji Taib Azamudden [ Alor Setar ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha sama yang dilaksanakan untuk mengangkat Sungai Kedah dan Sungai Anak Bukit di dalam Bandaraya Alor Setar sebagai produk pelancongan ikonik menjelang Tahun Melawat Kedah 2025.

85. PR-1531-L23002

**Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [ Gua Musang ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi memastikan kontraktor-kontraktor pelaksana projek Central Spine Road (CSR) bagi kesemua pakej di Gua Musang agar mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) keselamatan di tapak bina dan menyiapkan segera projek tersebut yang sangat lewat dari jadual sebenar.

86. PR-1531-L24161

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [ Sik ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan tahap perancangan sistem pengairan termasuk pemberian tender pembangunan bagi penanaman padi lima kali dalam dua tahun yang dijangka dimulakan di kawasan MADA yang berkeluasan 100,000 hektar.

87. PR-1531-L24093

**Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [ Rompin ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah langkah melaksanakan kempen jualan Agro Madani ke seluruh negara pada tahun ini yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian dapat menangani masalah kekurangan bekalan beras tempatan di pasaran dan akan menjadi langkah jangka masa panjang Kementerian bagi menangani masalah kekurangan bekalan.

88. PR-1531-L23497

**Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Mohd. Yassin [ Pagoh ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah langkah konkrit Kerajaan dalam menyelesaikan kemerosotan Indeks Harga Pengeluar Malaysia (IHPR).

89. PR-1531-L23582

**Tuan Suhaizan bin Kaiat [ Pulai ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah ada rancangan Kerajaan untuk memansuhkan bayaran Tol Perling, Johor yang telah menyebabkan kesesakan lalu lintas dan telah mendapat bantahan penduduk setempat.

90. PR-1531-L23764

**Tuan Edwin anak Banta [ Selangau ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah ada cadangan untuk membina MRSM di zon tengah Sarawak iaitu Bahagian Sibu memandangkan MRSM yang ada di Sarawak masa kini terletak jauh dari zon tengah Sarawak.

91. PR-1531-L23715

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan kesan dasar Carbon Border Adjustment Mechanism (CBAM) oleh Kesatuan Eropah ke atas eksport Malaysia sejak pelaksanaannya pada 17 Mei, 2023. Adakah Malaysia akan mengadukan masalah ini ke WTO untuk mencari jalan penyelesaian.

92. PR-1531-L23859

**Dato' Dr. Haji Alias bin Razak [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana jalinan kerjasama antara Pakar Perunding Kesihatan Mental Remaja dan Kanak-Kanak dengan Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) di sekolah untuk menangani isu kesihatan mental remaja dan kanak-kanak.

93. PR-1531-L23913

**Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah dapatan terhadap kajian berkenaan keberkesanan sistem GeoTanaman di bawah Jabatan Pertanian dalam memberikan kestabilan harga jualan hasil kebun dan ladang kepada petani serta usaha mengurangkan margin untung melampau pemborong atau penetapan harga akhir yang berpatut di pasaran pengguna.

### **ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Menyambung semula pertimbangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2023) 2024 (D.R.4/2024) dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2023 seperti berikut :**

“Bahawa Dewan ini, mengikut subsekyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak enam bilion tiga belas juta empat ratus sebelas ribu tiga ratus sembilan puluh ringgit (RM6,013,411,390) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2023 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2023 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 2024 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut.”

#### **Dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis ( 19 Mac 2024 )**

- |                    |   | <b>Bacaan Kali<br/>Yang Kedua</b> |
|--------------------|---|-----------------------------------|
| 2. ( D.R 6/2024 )  | Rang Undang-Undang Polis (Pindaan) 2024.                                      | "                                 |
|                    | <b>[ Menteri Dalam Negeri ]</b>   |                                   |
| 3. ( D.R 37/2023 ) | Rang Undang-Undang Lembaga Lebuh Raya Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2023. | "                                 |
|                    | <b>[ Menteri Kerja Raya ]</b>   |                                   |
| 4. ( D.R 38/2023 ) | Rang Undang-Undang Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah (Pindaan) 2023.      | "                                 |
|                    | <b>[ Perdana Menteri ]</b>  |                                   |
| 5. ( D.R 35/2023 ) | Rang Undang-Undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023.                    | "                                 |
|                    | <b>[ Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam ]</b>                           |                                   |
| 6. ( D.R 2/2024 )  | Rang Undang-Undang Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024.                    | "                                 |
|                    | <b>[ Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam ]</b>                           |                                   |

7. ( D.R 5/2024 ) Rang Undang-Undang Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2024. **Bacaan Kali Yang Kedua**

**[ Menteri Kewangan ]**

**DAN**

**Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

“BAHAWASANYA, berikutan penyusunan semula Kabinet pada 12 Disember 2023, beberapa kementerian telah disusun semula dan dinamakan semula, beberapa kementerian baharu telah ditubuhkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan daripada kementerian-kementerian lain:

DAN BAHAWASANYA Perbelanjaan Pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2024:

DAN BAHAWASANYA terdapat keperluan untuk menyelaraskan peruntukan perbelanjaan berkenaan dengan beberapa kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula itu berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsi kementerian:

DAN BAHAWASANYA amaun yang belum dibelanjakan berhubung dengan kementerian-kementerian yang peruntukan perbelanjaannya perlu dikurangkan itu akan disekat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406]:

DAN BAHAWASANYA menurut subsekyen 4(2), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], penguntukan semula peruntukan perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula dan kementerian-kementerian baharu itu hanya boleh dilakukan melalui suatu Usul yang diluluskan oleh Dewan ini:

BAHAWA DEWANINI, mengikut subsekyen 4(3), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang sebanyak enam bilion lima ratus enam puluh satu juta enam ratus enam belas ribu tiga ratus ringgit (RM6,561,616,300) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2024, bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2024 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 7 Tahun 2024 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang ketujuh dan kelapan Penyata tersebut dan Usul ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 3 Januari 2024.”

8. ( D.R 3/2024 ) Rang Undang-Undang Wang Tak Dituntut (Pindaan) 2024. **Bacaan Kali Yang Kedua**

**[ Menteri Kewangan ]**

9. ( D.R 1/2024 ) Rang Undang-Undang Perniagaan Perkhidmatan Wang (Pindaan) 2024. "

**[ Menteri Kewangan ]**

10. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM15,149 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) sebanyak RM149 juta bagi Disember 2023 dan RM15,000 juta bagi tempoh Januari hingga Februari 2024 ke Kumpulan Wang Pembangunan".

11. PR-1531-U(27)308

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mempertimbangkan pengecualian kenaikan cukai perkhidmatan sebanyak dua peratus dari enam ke lapan peratus terhadap bil elektrik dan air yang dijadualkan bermula Mac 2024.

Kadar kenaikan ini pastinya akan menambah beban bulanan isi rumah terutama golongan B40 serta M40 dan perniagaan termasuklah sektor pembuatan dan perkhidmatan. Justeru, memandangkan situasi ekonomi negara yang masih belum pulih sepenuhnya dan ditambah lambakan cukai baharu yang akan mula dilaksanakan pada tahun 2024, Kerajaan seharusnya mengekalkan kadar cukai perkhidmatan sedia ada untuk bil elektrik seperti yang diberikan kepada sektor makanan dan minuman, tempat letak kereta dan telekomunikasi."

**[ Menteri Kewangan ]**

12. PR-1531-U(27)309

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa cukai barang dan perkhidmatan (GST) untuk diperkenalkan semula bagi menjana kembali pendapatan negara dengan lebih baik dengan melaksanakan beberapa penambahaikan terhadap mekanisme GST itu sendiri.

Kerajaan boleh mempertimbangkan kadar GST yang lebih rendah iaitu daripada 6 peratus kepada 4 peratus yang dilihat lebih munasabah serta tidak membebankan pengguna dan pembayar cukai. Manakala pelaksanaan serta pematuhan perlu dipermudah dengan kesan minima kepada perniagaan seperti penambahbaikan mekanisme pembayaran semula cukai dapat disegerakan dalam tempoh 14 hari dan Kerajaan perlu melantik auditor bebas dari pihak swasta untuk menyemak rekod bagi memastikan tiada sebarang pelanggaran cukai berlaku.

Sistem percukaian GST yang pernah dilaksanakan negara sebelum ini adalah sistem cukai yang lebih baik berbanding pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan lambakan cukai yang akan dilaksanakan pada tahun ini, dan seharusnya Kerajaan perlu segera mengambil iktibar dari kesan pemansuhan GST pada 2018 yang telah membebankan rakyat sehingga hari ini."

**[ Menteri Kewangan ]**

13. PR-1531-U(27)310

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk membuat penetapan dengan lebih adil bagi perlaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) terhadap cabang perubatan dengan tidak membebankan pesakit yang menjalani rawatan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K / TCM).

Sektor TCM, merangkumi ubat-ubatan tradisional Cina dan Melayu serta perubatan ayurveda adalah cabang sistem penjagaan kesihatan dan adalah tidak wajar dikenakan SST sama seperti perubatan moden atau barat.

Malah, menurut seksyen 37, Garis Panduan Perkhidmatan Profesional bertarikh 21 September 2021 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) jelas memberi pengecualian SST kepada perkhidmatan perubatan dan pembedahan kepada manusia dan haiwan yang ditawarkan oleh pengamal perubatan di klinik swasta, klinik pakar termasuk khidmat runding oleh pengamal perubatan.

Maka, kerajaan digesa untuk konsisten dan kekal memberi pengecualian bagi perkhidmatan TCM ini daripada dikenakan cukai SST sama seperti pengecualian SST ke atas perkhidmatan perubatan moden."

**[ Menteri Kewangan ]**

14. PR-1531-U(27)311

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini mencadangkan tahun 2024 adalah merupakan ulang tahun ke-50 penubuhan hubungan diplomatik antara Malaysia dan Republik Rakyat China, berikutan pemeteraian Kenyataan Bersama (*Joint Communique*) antara Perdana Menteri Tun Abdul Razak dan Perdana Menteri Chou En-Lai pada 31 Mei 1974.

China adalah rakan dagangan terbesar Malaysia sejak 2009 dan angka ini saban tahun meningkat, dan China akan menjadi kuasa ekonomi terbesar dunia menjelang tahun 2030 mengatasi Amerika Syarikat.

Maka, diusulkan Kerajaan untuk mengadakan sambutan besar-besaran sempena meraikan ulang tahun hubungan diplomatik yang penuh bersejarah ini bagi merapatkan keakraban antara Malaysia dan China yang secara tidak langsung dapat memberi nilai tambah kepada pertumbuhan ekonomi negara menerusi pelbagai bidang kerjasama termasuklah perdagangan dan pelaburan. "

**[ Menteri Luar Negeri ]**

15. PR-1531-U(27)312

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kementerian untuk mewujudkan dasar buruh asing yang jelas dan polisi yang lengkap dalam memastikan kehadiran buruh asing tidak akan membenggu ekonomi Malaysia kerana mereka telah pun mendominasi beberapa industri dalam negara bukan lagi sebagai pekerja tetapi sebagai pengusaha.

Kehadiran pekerja migran diakui dapat membantu negara mengatasi masalah kekurangan pekerja dan membantu mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi. Namun, kemasukan buruh asing yang ketara bermula sejak akhir 1980-an didukung oleh dasar perindustrian yang pesat sebaliknya memberi impak negatif pada hari ini. Pada tempoh awal kemasukan mereka di Malaysia, mereka hanya terlibat sebagai buruh kasar di sektor formal. Usai peredaran masa, berlaku anjakan pekerjaan pekerja migran untuk menyesuaikan keadaan ekonomi terutamanya semasa krisis ekonomi 1997 dan 2008.

Lebih merunsingkan, pertumbuhan penduduk warga asing kini telah pun melangkaui lebih dari 2 generasi. Adalah dijangka fenomena anjakan pekerja kepada pengusaha asing dalam sektor formal dan tidak formal ini akan menyebabkan usaha kerajaan untuk mengurangkan perbezaan jurang pendapatan menjadi semakin sulit."

**[ Menteri Sumber Manusia ]**

## 16. PR-1531-U(27)313

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kementerian untuk menubuhkan satu Institut Hak Asasi, Penyelidikan dan Pembangunan Orang Asli. Malaysia sebagai salah satu ahli Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) pada dasarnya telah bersetuju pada 13 September 2007 berkaitan dengan *Declaration on the Rights of Indigenous People* dengan resolusi untuk menubuhkan *National Institution on The Rights of Indigenous People*. Namun sehingga hari ini, kita masih belum menubuhkan sebarang institut yang mengangkat martabat orang asli.

Adalah dicadangkan Universiti Teknologi MARA (UiTM) sebagai peneraju selaras peranan mereka dalam memajukan bumiputera sekaligus mengiktiraf orang asli sebagai kaum bumiputera di Malaysia malahan capaian lokaliti UiTM dilihat mempunyai kelebihan lantaran kewujudan kampus di serata Malaysia.

Penubuhan Institut Orang Asli ini bukanlah untuk mengambil alih peranan Majlis Penasihat Kebangsaan Masyarakat Orang Asli (MPKPMOA) sebagai penasihat kerajaan, atau Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA). Sebaliknya, Institut ini boleh menjadi gandingan yang mempunyai autoriti dan kefahaman menyeluruh dalam memberikan pandangan yang berwibawa serta mempunyai merit bagi melaksanakan perancangan yang melibatkan Orang Asli.

Sudah tiba masanya Orang Asli perlu di beri peluang sepenuhnya, secara terus dan aktif, mengurus dan mentadbir serta mengemudi institusi, budaya dan cara hidup yang berkait secara langsung dengan arus pembangunan negara."

**[ Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah ]**

## 17. PR-1531-U(27)314

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mewujudkan dasar dan polisi Pembangunan Tempatan Diterajui Komuniti atau *Community Led Local Development* yang mewajibkan syarikat-syarikat yang memperolehi projek mega berjumlah RM500 juta ke atas untuk menyedia satu dana khas secara tanggungjawab sosial korporat atau CSR bagi program pembangunan bakat tempatan dan setempat yang bersifat holistik yang akan menyokong perkembangan ekonomi setempat.

Dasar ini menyokong tindakan pembangunan tempatan, bertujuan untuk menggerakkan dan melibatkan masyarakat tempatan dengan membina potensi khusus setiap lokaliti dan menyokong bakat tempatan terutama golongan bumiputera. Kehadiran projek mega ke sesuatu tempat terutama kawasan luar bandar sewajarnya memberi manfaat berterusan sebelum, semasa dan selepas pembinaan kepada penduduk setempat. Dengan mewujudkan syarikat dari dana CSR projek mega ini mampu membangun bakat setempat di samping manfaat ekonomi berterusan kepada mereka.

Adalah menjadi harapan, limpahan atau *spill over* impak projek pembangunan mega dapat dirasai dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk setempat."

### [ Menteri Kewangan ]

18. PR-1531-U(27)315

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengambil tindakan drastik untuk melepaskan negara dari himpitan Kos Sara Hidup. Pada 25 Januari kenyataan akhbar telah membicarakan Harga Ayam yang dijangka naik disebabkan tarif air naik dan baru-baru ini diumumkan insurans kereta akan meningkat bermula 1 Mac akibat kenaikan 8% cukai perkhidmatan yang turut melibatkan insurans dan lain-lain.

Sumbangan STR mungkin dapat meringankan sedikit beban perbelanjaan kepada penerima tetapi peningkatan harga menimbulkan cabaran kepada isi rumah dengan tahap kesusahan berbeza mengikut kumpulan pendapatan dan menyebabkan kesan lebih ketara seterusnya menjadikan kumpulan berkenaan lebih mudah terdedah kepada tekanan kos sara hidup. Oleh hal yang demikian, adalah diharapkan Kementerian segera dapat mengambil tindakan sewajarnya untuk mententeramkan kegusaran rakyat yang berhadapan bebanan ekonomi. "

### [ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup ]

19. PR-1531-U(27)316

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan segera membina Pangkalan di Beting Patinggi Ali. Sehingga kini tiada langkah tegas yang diambil pihak Kerajaan untuk menghalang pencerobohan kapal China di Beting Patinggi Ali yang terletak dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia. Adalah diharapkan pihak Kerajaan dapat merancang dan melaksanakan mekanisme yang lebih efektif untuk menangani masalah ini setelah nota diplomatik yang dihantar pihak Malaysia seperti tidak dihiraukan bagi memastikan Beting Patinggi Ali menjadi hak Malaysia."

### [ Menteri Pertahanan ]

20. PR-1531-U(27)317

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan tembok kekal di sempadan Malaysia-Thailand bagi mengekang kegiatan penyeludupan dan jenayah rentas sempadan di negara ini. Pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand perlu agar dapat merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand adalah sangat diperlukan.

Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegearkan pembangunan tembok sempadan Malaysia - Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara. "

#### [ Menteri Dalam Negeri ]

21. PR-1531-U(27)318

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan bersikap adil dalam mengamalkan kebebasan media di Malaysia. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai alat politik untuk menyekat mana-mana isi kandungan media yang tidak 'pro' Kerajaan atau tidak sependapat dengan Kerajaan. YAB Perdana Menteri yang memerintah Kerajaan pada masa ini telah berikrar dalam manifestonya untuk memastikan hak kebebasan bersuara dan melindungi kebebasan media. Namun, keadaan sebaliknya berlaku selepas beberapa bulan beliau membentuk Kerajaan.

Lebih mendukacitakan, kebebasan media yang diwar-warkan Kerajaan hanyalah terhad kepada 'pro' Kerajaan sahaja, manakala parti pembangkang secara halus dikenakan sekatan kepada akses media. Mana-mana media rasmi Kerajaan mahupun swasta tidak diberi kebenaran untuk menyiaran berita mengenai parti pembangkang mahupun pihak yang menentang Kerajaan. Oleh hal demikian, Kementerian digesa supaya berlaku adil dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan hak kebebasan media tidak dicabul sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu. "

#### [ Menteri Komunikasi ]

22. PR-1531-U(27)319

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk segera menyelesaikan masalah pekerja e-hailing dan p-hailing. Akta khusus perlu diwujudkan segera oleh pihak Kerajaan berkaitan ekonomi gig agar isu-isu yang berkaitan ini tidak berlarutan kerana hanya pihak Kerajaan yang boleh merangka dan mengeluarkan polisi atau garis panduan meliputi keseluruhan ekosistem ekonomi gig p-hailing. Kerajaan digesa untuk campur tangan di dalam isu pengurangan upah penunggang p-hailing dan mengambil tindakan sewajarnya untuk membela nasib kumpulan pekerja ekonomi gig ini."

#### [ Menteri Pengangkutan ]

23. PR-1531-U(27)320

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan.

Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Susulan pembangunan Nusantara, ibu negara baharu Indonesia di Kalimantan Timur dan dengan siapnya Lebuhraya Sematan – Telok Melano secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjung Datu.

Oleh hal yang demikian, tindakan segera kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

24. PR-1531-U(27)321

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan agar memperluaskan Program Kemudahan Sokongan Akaun 2 (FSA2) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada pencarum berusia bawah 40 tahun ke bawah. Inisiatif FSA2 dilihat sebagai alternatif segera yang dapat membantu rakyat yang terkesan dalam menangani isu kos sara hidup dan kenaikan harga barang pada masa ini."

**[ Menteri Kewangan ]**

25. PR-1531-U(27)322

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan meletakkan sebuah garis panduan untuk sekolah-sekolah bagi pengurusan dana, perbelanjaan, dan juga aktiviti kutipan wang daripada pelajar, ibu-bapa, dan orang ramai. Selain itu, sebuah badan pemantau perlu diwujudkan bagi memastikan garis panduan ini dipatuhi.

Ini kerana, kini sudah menjadi sebuah kelaziman untuk pihak-pihak sekolah menganjurkan program-program dan majlis-majlis yang memakan belanja besar, yang menggunakan duit daripada poket pelajar. Sebahagian daripada majlis ini mewajibkan kehadiran, dan sebahagian lainnya adalah secara sukarela. Tetapi harus kita faham, kewujudan jurang ekonomi akan membuatkan wujudnya golongan pelajar yang rasa keciciran sosial disebabkan faktor kewangan keluarga. Ia juga membuat mereka berasa tertekan serta memberi tekanan kepada ibu-bapa, lebih-lebih lagi dalam situasi ekonomi kini.

Bukan sahaja untuk majlis, malah sering juga pihak sekolah membuat kutipan wajib bagi pembaharuan infrastruktur, dan kutipan ini kadangkala boleh mencecah ratusan ringgit. Isu ini merupakan sebuah isu yang kurang mendapat perhatian tetapi penting untuk dibawa ke hadapan kerana ia melibatkan sosioekonomi keluarga B40 & M40 serta kesejahteraan perkembangan minda dan emosi para pelajar yang bakal menjadi teraju negara ini di masa hadapan.

Selain itu, dibimbangi jika tiada pemantauan dilakukan, perkara ini akan membuka ruang untuk pihak tertentu mengambil kesempatan.”

**[ Menteri Pendidikan ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2024</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
DR. 5	Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mengenai Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara di bawah Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim	20 Mac 2024
ST. 22	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Teknologis Malaysia Bagi Tahun 2022	20 Mac 2024
ST. 37	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Bagi Tahun 2022	20 Mac 2024
ST. 38	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (KWTBB) Bagi Tahun 2022	20 Mac 2024
ST. 40	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Getah Malaysia (LGM) Bagi Tahun 2022	20 Mac 2024
ST. 56	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) Bagi Tahun 2022	20 Mac 2024
ST. 58	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia Bagi Tahun 2021	20 Mac 2024

**\*\*UCAPAN-UCAPAN**  
**( PERATURAN MESYUARAT 17 )**  
**( KAMAR KHAS )**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
20.03.2024 (Rabu)	1. YB Tuan Ganabatirau A/L Veraman (Klang)	1. Penggunaan Tanah Khusus untuk Kemudahan Awam 2. Pendekatan Baharu untuk Menangani Banjir dan Perubahan Iklim di Klang	1. YB Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam 2. YB Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam
	2. YB Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhrurazi (Kuala Kedah)	3. Pembinaan dan Penyelenggaraan Ban Persisir Pantai di Kuala Kedah 4. Pemasangan Paip Air di Kuala Kedah	3. YB Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air 4. YB Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**